

Rizab antarabangsa Bank Negara: AS\$102 bilion

Malaysiakini

7 Disember 2018

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah AS\$102.0 bilion pada 30 November, 2018 daripada AS\$102.1 bilion pada 15 November, 2018.

Bank pusat itu, dalam kenyataan hari ini berkata paras rizab itu memadai untuk membiayai 7.5 bulan import tertanggung dan 1.0 kali hutang luar negara jangka pendek.

Komponen utama rizab antarabangsa terdiri daripada rizab mata wang asing berjumlah AS\$96.3 bilion, kedudukan rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (AS\$900 juta), Hak Pengeluaran Khas (SDR) (AS\$1.1 bilion), emas (AS\$1.5 bilion), dan lain-lain aset rizab (AS\$2.2 bilion).

Aset BNM terdiri daripada emas dan pertukaran asing serta rizab-rizab lain termasuk SDR yang berjumlah RM422.85 bilion, kertas kerajaan Malaysia (RM3.39 bilion), pinjaman dan pendahuluan (RM6.95 bilion), tanah dan bangunan (RM4.18 bilion), dan aset-aset lain (RM8.54 bilion).

Liabiliti pula meliputi modal berbayar (RM100 juta), rizab (RM134.97 bilion),

mata wang dalam edaran (RM103.72 bilion), deposit oleh institusi kewangan (RM159.29 bilion), deposit kerajaan Persekutuan (RM8.95 bilion), deposit-deposit lain (RM1.00 bilion), kertas BNM (RM27.51 bilion), peruntukan SDR (RM7.77 bilion), dan liabiliti-liabiliti lain (RM2.60 bilion).

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/455167>